



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**25 OGOS 2018 (SABTU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Kosmo**

- |                                 |    |
|---------------------------------|----|
| - Peruntukan PBT dinilai semula | 04 |
|---------------------------------|----|

**Berita Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - Peruntukan PBT disemak jika tidak penuhi kuota | 15 |
|--|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
25 OGOS 2018 (ISNIN)**

Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Peruntukan PBT dinilai semula
Muka Surat	04

## Peruntukan PBT dinilai semula

Oleh NORAINI HASSAN BASRI

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menilai semula peruntukan kepada mana-mana pihak berkuasa tempatan (PBT) yang gagal melantik 30 peratus ahli majlis dalam kalanjan wanita.

Menyerinya, Zuraida Kamardin berkata, tindakan itu sedang diperincikan sebagai syarat baharu dalam Sistem Penarafan Bintang PBT dan akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun lagi.

“Ini adalah cadangan awal bagi memastikan semua PBT melantik 30 peratus atau sekurang-kurangnya lapan wanita daripada keseluruhan 24 ahli majlis dan sekiranya gagal saya akan semak semula peruntukan.

“Ahli majlis dilantik untuk tempoh dua tahun dan saya akan perkemaskin lagi syarat (Sistem Penarafan Bintang PBT) yang diberikan kepada PBT,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Hari Wanita 2018 di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, Kuala Lumpur semalam.

Turut hadir Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita



ZURAIDA (dua dari kiri) bersalaman dengan sebahagian peserta pada Persidangan Hari Wanita 2018 di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, Kuala Lumpur semalam.

Malaysia (NCWO), Prof. Emerita Tan Sri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.

Persidangan yang bertemakan Mengilham Harapan, Memacu Wawasan itu yang bertujuan memberi inspirasi dan membentuk pemikiran baharu wanita dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 dianjurkan oleh NCWO.

Menurut Zuraida, usaha melibatkan wanita sebagai ahli maj-

lis PBT adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk memartabatkan dan mengiktiraf golongan tersebut.

“Syarat ini tertakluk kepada semua PBT di seluruh negara termasuk negeri-negeri di bawah (pemerintahan) pembangkang.

“Bagi penggal ini lantikan ahli majlis PBT wanita di Selangor mencatatkan sebanyak 25 peratus sementara di peringkat nasional hanya 14 peratus,” ujarnya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
25 OGOS 2018 (SABTU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Peruntukan PBT disemak jika tidak penuhi kuota
Muka Surat	15

30 PERATUS AHLI MAJLIS WANITA

# Peruntukan PBT disemak jika tidak penuhi kuota

BH  
mis 15  
25/9/18



[FOTO BERNAMA]

Zuraida berasalaman dengan peserta pada Persidangan Hari Wanita 2018 di Dewan Perdana FELDA Jalan Semarak, Kuala Lumpur, semalam.

→ Peraturan diperhalusi, bakal jadi syarat baharu Sistem Penarafan Bintang

## Kuala Lumpur

**K**ementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menilai semula peruntukan bagi semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara sekiranya gagal melantik 30 peratus wanita sebagai anggota majlis.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata perkara itu, yang bakal menjadi syarat baharu dalam Sistem Penarafan Bintang PBT,

masih diperincikan dan ia akan dilaksanakan selepas tempoh dua tahun ini.

"Perkara itu dalam peringkat cedangan awal bagi memastikan semua PBT melantik 30 peratus atau lapan wanita daripada keseluruhan 24 ahli majlis, (dan) selepas ia (syarat) dilaksanakan, sekiranya PBT gagal, KPPT akan semak semula peruntukan."

"Saya akan perkemasukan lagi syarat (Sistem Penarafan Bintang PBT) yang sesuai untuk diberikan

kepada semua PBT," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Hari Wanita 2018 di Dewan Perdana FELDA di sini, semalam.

### Tertakluk di semua PBT

Zuraidah berkata, syarat itu tertakluk kepada semua PBT di seluruh negara, termasuk di negeri di bawah pentadbiran pembangkang.

Beliau berkata, pada masa ini, pelantikan wanita sebagai anggota

majlis dalam PBT di peringkat nasional secara purata hanya mencatat 14 peratus.

Persidangan sehari, yang disertai kira-kira 300 anggota badan bukan kerajaan, dianjurkan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) bertemakan Mengilham Harapan, Memacu Wawasan bermartabat memberi inspirasi dan membentuk pemikiran baharu wanita dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR4).

BERNAMA